

**TEKS UCAPAN REKTOR SEMPENA**

**PERASMIAN MESYUARAT AGUNG BADAN KEBAJIKAN STAF KOLEJ UNIVERSITI  
TEKNIKAL KEBANGSAAN MALAYSIA (KUTKM)**

**TEMPAT:**

**DEWAN JUKEBOX, KAMPUS INDUSTRI**

**KOLEJ UNIVERSITI TEKNIKAL KEBANGSAAN MALAYSIA (KUTKM)**

**TARIKH :**

**13 JANUARI 2006**

**TEKS UCAPAN REKTOR SEMPENA PERASMIAN  
MESYUARAT AGUNG BADAN KEBAJIKAN STAF  
KOLEJ UNIVERSITI TEKNIKAL KEBANGSAAN  
MALAYSIA PADA 13 JANUARI 2006 JAM 3.30  
PETANG BERTEMPAT DI DEWAN JUKEBOX**

BISMILLAHIRAHMANIRRAHIM DAN SELAMAT  
SEJAHTERA.

Y.BHG EN. KHAIRUL TAIB, TIMBALAN PENGERUSI  
BAKUTKM, MERANGKAP PEMANGKU PENGERUSI  
BAKUTKM DAN JAWATANKUASA EKSEKUTIF  
BAKUTKM,

Y.BHG. PROF DR. ABU ABDULLAH, TIMBALAN  
REKTOR (AKADEMIK & PENGANTARABANGSAAN),

Y.BHG DATUK PROF MADYA DR. ABU BAKAR BIN  
MOHAMAD DIAH, TIMBALAN REKTOR  
(PENYELIDIKAN & PENGKOMERSILAN/INOVASI)

Y.BHG DATO' PROF DR. MOHD NOR HUSAIN, DEKAN  
HAL EHWAL PELAJAR,

Y.BHG EN HASAN BIN SIRUN, PENDAFTAR, KUTKM

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN UNIVERSITI

DAN AHLI-AHLI BAKUTKM SEKALIAN,

ASSALAMUALAIKUM DAN SALAM SEJAHTERA

BERSYUKUR KITA KE HADRAT IILAHİ KERANA  
DENGAN LIMPAH KURNIA DAN IZINNYA, MAKA

MESYUARAT AGUNG BAKUTKM KALI KE - 3 DAPAT DIADAKAN PADA PETANG INI.

TERLEBIH DAHULU SAYA INGIN MENGAMBIL KESEMPATANINI UNTUK MENGUCAPKAN SYABAS DAN TAHNIAH KHUSUSNYA KEPADA PIHAK JAWATANKUASA EKSEKUTIF BAKUTKM DAN AHLI-AHLI BAKUTKM YANG MERUPAKAN JAWATANKUASA PELAKSANA BAGI PROGRAM DAN AKTIVITI KEBAJIKAN YANG TELAH DILAKSANAKAN SEPANJANG TEMPOH 2004/2005.

SEPANJANG TEMPOH 2004/2005INI BAKUTKM TELAH BANYAK MENGANJURKAN PROGRAM DAN AKTIVITI BAGI MEMENUHI KEHENDAK AHLI DAN ANTARANYA IALAH HARI KELUARGA KUTKM. SELAIN DARIPADA ITU JUGA BAKUTKM TELAH BERJAYA MENGANJURKAN PROGRAM MAJLIS BERBUKA PUASA ANJURAN BERSAMA ANTARA PEJABAT PENDAFTAR, BAKUTKM DAN CUBIC

INDUSTRI. IANYA MERUPAKAN SATU PROGRAM YANG MEMBERI MAKNA YANG BESAR TERHADAP UNIVERSITI. SAYA BERHARAP PROGRAM INI AKAN MENJADI AKTIVITI TAHUNAN BAKUTKM DENGAN TUJUAN UNTUK MEMUPUK INTERAKSI DI KALANGAN STAF UNIVERSITI DAN ORGANISASI LUAR.

ALHAMDULILLAH KITA BARU SAHAJA MENYAMBUT HARI RAYA AIDIL ADHA DAN SAYA DIFAHAMKAN MAJLIS KORBAN DAN AQIQAH TELAH DIADAKAN OLEH BAKUTKM PADA HARI RAYA TERSEBUT DI MADRASAH TAMAN BUNGA RAYA BUKIT BERUANG. AHLI-AHLI BAKUTKM DAN MASYARAKAT SETEMPAT TELAH BERGOTONG-ROYONG BERSAMA-SAMA UNTUK MENEGAKKAN SYARIAT DAN MENGHAYATI PRINSIP PENGORBANAN YANG AMAT DITUNTUT OLEH ISLAM. SYABAS KEPADA BAKUTKM YANG MEMPUNYAI KEPERIHATINAN DAN KOMITMEN

YANG SANGAT TINGGI BAGI MENGADAKAN PROGRAM SEPERTI INI.

TUAN-TUAN DAN PUAN-PUAN SEKALIAN

SESUNGGUHNYA SEMUA AKTIVITI-AKTIVITI KEBAJIKAN, SOSIAL DAN SUKAN SANGATLAH DIALU-ALUKAN KERANA IANYA MEMBERI PELUANG KEPADA SEMUA STAF KUTKM UNTUK MENYERTAI PELBAGAI AKTIVITI YANG DIANJURKAN DAN BERTUJUAN MEMPERERATKAN HUBUNGAN SIRATULRAHIM DAN KEMESRAAN SESAMA WARGA KUTKM. PROGRAM BERSIFAT INFORMAL YANG MELIBATKAN SEMUA PERINGKAT WARGA KUTKM TERMASUK KELUARGA MEREKA SESUNGGUHNYA MEMBERIKAN IMPAK YANG POSITIF KE ARAH PENGUKUHAN DAN PEMANTAPAN SEMANGAT KERJASAMA DALAM ORGANISASI SERTA DAPAT MEMBINA SEMANGAT KEKELUARGAAN YANG LEBIH TINGGI DI KALANGAN WARGA UNIVERSITI.

BAKUTKM JUGA TELAH BERUSAHA MENUBUHKAN JAWATANKUASA PENAJA PENUBUHAN KOPERASI KUTKM BERHAD. PENUBUHAN KOPERASI KUTKM BERHAD BUKAN SAHAJA UNTUK MEMBERI KEMUDAHAN KEPADA AHLI-AHLI BAKUTKM TETAPI JUGA UNTUK KEMUDAHAN PELAJAR-PELAJAR KUTKM. IANYA SECARA TIDAK LANGSUNG TELAH MEMBERI SUMBANGAN KEBAJIKAN KEPADA SELURUH WARGA KAMPUS UNTUK MEMANFAATKAN PERKHIDMATAN YANG DITAWARKAN OLEH PIHAK KOPERASI SEPERTI KEMUDAHAN PEMBELIAN BUKU DAN SEBAGAINYA.

BAKUTKM TERUS MENGORAK LANGKAH UNTUK MEMBERI KEMUDAHAN YANG LEBIH BAIK KEPADA AHLI-AHLINYA DENGAN CADANGAN MENGADAKAN PERKHIDMATAN TASKA. SAYA YAKIN DENGAN ADANYA TASKA YANG AKAN DITUBUHKAN MASALAH UNTUK MENEMPATKAN ANAK-ANAK STAF DAPAT DI ATASI DAN SETERUSNYA MEMBERI

KESELESAAN KEPADA STAF UNTUK BEKERJA  
DENGAN LEBIH DEDIKASI.

TERHAD DI PERINGKAT KAMPUS TETAPI JUGA DI  
PERINGKAT NEGERI, KEBANGSAAN DAN  
ANTARABANGSA.

TUAN-TUAN DAN PUAN-PUAN SEKALIAN

SAYA BERHARAP AGAR JAWATANKUASA YANG  
DILANTIK HARI INI AKAN DAPAT MENGADAKAN  
LEBIH BANYAK AKTIVITI DAN PROGRAM PADA  
MASA AKAN DATANG. PROGRAM-PROGRAM YANG  
DILAKSANAKAN JUGA PERLU MELIBATKAN SEMUA  
PERINGKAT LAPISAN JAWATAN, PANGKAT DAN  
UMUR SAMA ADA DARI KALANGAN STAF,  
KELUARGA STAF DAN MASYARAKAT SETEMPAT.

AKHIR SEKALI SAYA BAGI PIHAK PENGURUSAN  
UNIVERSITI MENGAMBIL KESEMPATANINI UNTUK  
MERAKAMKAN PENGHARGAAN DAN UCAPAN  
TERIMA KASIH KEPADA JAWATANKUASA  
EKSEKUTIF BAKUTKM DAN AHLI-AHLI BAKUTKM  
YANG TELAH MELAKSANAKAN PELBAGAI PROGRAM  
SEPANJANG TAHUN 2004/2005 DENGAN JAYANYA.  
SYABAS SERTA TAHNIAH DIUCAPKAN DAN SEMOGA  
MESYUARAT AGUNG BAKUTKM HARI INI DAPAT  
DILAKSANAKAN DENGAN JAYANYA.

BAKUTKM PERLU MENJADI SATU BADAN STAF  
YANG MEMPUNYAI PENGARUH YANG BESAR DAN  
BERKESAN DI DALAM MENAIKKAN IMEJ UNIVERSITI.  
UNTUK ITU BAKUTKM PERLU MENGADAKAN  
AKTIVITI DAN PROGRAM YANG TIDAK SAHAJA

DENGAN LAFAZ BISMILLHAHIRAHMANIRAHIM SAYA  
MERASMIKAN MESYUARAT AGUNG BAKUTKM KALI  
KE-3 INI.

SEKIAN TERIMA KASIH.